

**PERBANDINGAN FONEM KONSONAN BAHASA PERANCIS
DAN BAHASA MELAYU**

Mohd Nor Azan bin Abdullah¹
Pusat penataran Ilmu dan Bahasa,
Universiti Malaysia Sabah

Mohd Yusuf Abdullah²
Fakulti Bahasa dan Pendidikan,
Universiti Melaka

Corresponding Author's Email: azan@ums.edu.my

Article history:

Received : 25 October 2023
Accepted : 7 December 2023
Published : 31 December 2023

ABSTRAK

Abstract

Bahasa Perancis adalah salah satu bahasa utama dunia daripada rumpun bahasa Latin manakala bahasa Melayu merupakan bahasa pertuturan bagi penduduk Malaynesia yang juga dikenali sebagai bahasa *lingua franca* di alam Melayu. Tujuan kajian adalah untuk meneliti fonem konsonan di antara kedua-dua bahasa tersebut. Perbezaan rumpun bahasa sudah tentunya memperlihatkan perbezaan dan persamaan kandungan gugus konsonan dalam pembentukan mofem. Bahasa Perancis tidak mempunyai bunyi sebutan hentian glotis /ʔ/ dan /r/ konsonan getaran bersuara manakala bunyi getaran dari lelangit lembut /R/ tidak terdapat dalam sebutan Melayu. Kajian ini berobjektif untuk menyenaraikan, menganalisis dan mengenal pasti perbezaan dan persamaan elemen konsonantik di antara bahasa Perancis dan bahasa Melayu. Kaedah kajian berbentuk kajian kepustakaan dengan merujuk bahan-bahan bertulis dan juga dokumen-dokumen yang berkaitan. Di antara hasil kajian menunjukkan terdapat empat belas fonem konsonan yang identik dimiliki oleh bahasa Perancis dan bahasa Melayu. Terdapat juga pola gugus konsonan hadir secara berpasangan dalam pembinaan leksis tersebut. Kepentingan kajian ini akan memudahkan pembelajaran dan penyebutan bunyi-bunyi konsonan bagi kedua-dua bahasa tersebut dengan sebutan yang betul.

Kata Kunci: Perbandingan, Fonem, Konsonan, Perancis, Melayu.

PENGENALAN

Bahasa Perancis merupakan bahasa kelima utama di dunia dengan jumlah penutur seramai seratus lima puluh juta orang yang berkomunikasi sebagai bahasa ibunda mahu pun sebagai bahasa kedua (Emilio Bonvini et al., 2011). Bahasa Perancis juga menerima morfem serapan daripada bahasa lain di antaranya adalah morfem *ananas* (nenas) berasal daripada Amerika selatan, *bazar* (bazar) diserap daripada morfem Parsi, *calife* (Khalifah) dan *toubib* (tabib), dipinjam daripada bahasa Arab, *bambou* (bambu), *mangue* (mangga), *orang-outang* (Orang Utan), *pagade* (pagoda) diserap daripada bahasa darvidian dari Selatan India. Bahasa Melayu yang merupakan bahasa komunikasi di alam Melayu, juga dikenali sebagai bahasa di alam Malaynesia. Bahasa Melayu juga menerima pengayaan morfem dengan menerima beberapa morfem asing sebagai morfem Melayu. Morfem tersebut disesuaikan dengan sebutan Melayu Malaynesia seperti morfem *shānbān* bererti *sampan* yang dipinjam daripada bahasa cina. Morfem *vamsa* diserap daripada bahasa Sanskrit ke bahasa Melayu melalui proses penyisihan dan pengantian bunyi konsonan. Contohnya konsonan *v* dalam morfem *vamsa* mengalami proses pengantian fonem *b* manakala konsonan *m* gugur melalui penyesuaian *ng* iaitu gandingan dua huruf dalam morfem untuk menghasilkan unit bunyi tunggal lalu membentuk morfem baru *bangsa*. Modifikasi sedemikian membenarkan pembinaan morfologi morfem serapan baru tanpa mengubah makna morfem asal. Walaupun kedua-dua bahasa bukan merupakan rumpun bahasa yang sama namun proses pengayaan morfem melalui kata serapan, struktur pembina ayat untuk berkomunikasi mahu pun untuk tulisan memerlukan sistem bahasa seperti fonem, morfem, fonetik yang dapat dianalisis secara perbandingan untuk melihat perbedaan dan kesamaan elemen linguistik bagi bahasa Perancis dan bahasa Melayu.

PERSOALAN KAJIAN

Bahasa Perancis merupakan bahasa fleksi manakala bahasa Melayu merupakan bahasa aglutinatif. Salah satu contoh bahasa fleksi bilamana kata kerjanya dikongjugasi bukan sahaja mengikut kata ganti nama malah mengikut gender lelaki dan perempuan serta disesuaikan dengan unsur jamak dan tunggal dalam pertuturan dan tulisan. Menurut Kamus Dewan (2010), fleksi adalah perubahan bentuk kata mengikut perbezaan waktu, jantina, jumlah dan sebagainya termasuk penambahan imbuhan pada kata akar. Contohnya, *Je mange* (Saya makan), *Tu manges* (Awak makan) dimana berlaku penambahan *s* sebagai suffix dalam konjugasi *Tu*

manges untuk mewakili kata ganti diri kedua tunggal. Aglutinatif bahasa Melayu adalah bersifat pengabungan elemen linguistik seperti morfem terikat bergabung dengan morfem bebas untuk membentuk morfologi morfem yang baru dalam menerbitkan makna morfem tersebut. Contohnya morfem bebas *jalan* yang membawa maksud *tempat lalu lintas*. Morfem bebas *jalan* menerima morfem terikat iatu prefix *meN-* dan morfem terikat suffix *-kan*. Kedua-dua morfem terikat bergabung bersama morfem bebas tersebut untuk membina makna dan membentuk morfologi morfem baru lalu menerbitkan morfem *menjalankan* yang membawa maksud *mengusahakan*. Memandangkan terdapat banyak perbezaan dalam proses pembentukan elemen linguistik bagi kedua-dua bahasa tersebut maka persoalan kajian adalah memberikan tumpuan apakah persamaan dan perbezaan elemen iaitu fonemik konsonantik yang wujud bagi kedua-dua bahasa.

LIMITASI KAJIAN

Limitasi kajian penulis adalah meneliti persamaan dan perbezaan fonem konsonantik yang wujud dalam sistem fonologi bahasa bagi kedua-dua bahasa tersebut. Memandangkan fonologi merupakan kajian mengenai sistem pola bunyi vokal, konsonan dan diftong bagi sesuatu bahasa namun penulis mefokuskan pola bunyi konsonan yang dihasilkan oleh penutur apabila menyebut sesuatu perkataan dalam bahasa tersebut. Penulis membuat perbandingan kewujudan pola bunyi konsonon sahaja.

OBJEKTIF KAJIAN

Objektif kajian adalah menyenaraikan dan menganalisis perbezaan dan persamaan elemen konsonantik di antara bahasa Perancis dan bahasa Melayu melalui penyenaian golongan bunyi yang terdapat bagi kedua-dua bahasa tersebut. Objektif kajian ini akan membolehkan penutur bagi kedua-dua bahasa dapat mengetahui kewujudan golongan bunyi yang sama dan yang berlainan dalam sistem fonologi bahasa tersebut dan ianya akan memudahkan pemahaman pembelajaran bahasa secara vis versa bagi kedua-dua penutur bahasa.

METODOLOGI KAJIAN

Penulis menggunakan kaedah kualitatif untuk meneroka perbezaan dan persamaan elemen fonologi konsonon bagi kedua-dua bahasa tersebut. Penulis meneroka bunyi-bunyi konsonon di antara dua bahasa tersebut melalui analisis fonologi dan fonetik. Pendekatan fonologi bertujuan meneliti sistem bunyi dalam sebutan dan membandingkan bunyi tersebut dalam sebutan manakala pendekatan fonetik digunakan untuk melihat cara menghasilkan bunyi dan daerah artikulasi dalam menghasilkan bunyi. Penulis menganalisis dan menginterpretasi kandungan dokumen linguistik yang berkaitan daripada buku-buku, kamus dan artikel.

LINGUISTIK PERBANDINGAN

Linguistik perbandingan merupakan satu cabang linguistik yang mengkaji kekeluargaan bahasa atau untuk menentukan adakah sesuatu bahasa itu berada dalam rumpun bahasa yang sama. Oleh itu kajian yang dilakukan dengan melihat ciri-ciri atau elemen linguistik yang mempunyai persamaan elemen bahasa bagi mengesahkan apakah bahasa itu boleh diletakkan dalam rumpun bahasa yang sama. Oleh yang demikian penulis menelusuri linguistik perbandingan untuk meneliti elemen konsonantik yang datangnya bukan daripada satu rumpun bahasa. Ini kerana bagi penulis, bahasa yang bukannya daripada satu rumpun yang sama namun ianya dituturkan oleh manusia sudah tentu dapat dikenal pasti jenis fonem yang mewakilinya melalui analisis fonologi dan fonem. Menurut F. Saussure, komponen elemen linguistik diwakili oleh lambang atau unsur-unsur linguistik yang terdiri daripada *signifié* dan *signifiant*. *Signifié* merujuk lambang atau konsep yang wujud dalam fikiran manusia manakala *signifiant* merupakan image sebenar konsep tersebut yang diterjemahkan dalam bentuk bunyi mahupun tulisan. Bunyi-bunyi yang dihasilkan dalam berkomunikasi sudah tentunya mempunyai persamaan atau perbezaan dengan bunyi elemen linguistik rumpun bahasa yang lain. Ini kerana bahasa yang berlainan rumpun juga berfungsi melalui komunikasi yang dihasilkan oleh alat artikulasi seperti paru-paru, rongga tekak, mulut dan rongga hidung. Oleh yang demikian penulis meneliti ciri-ciri persamaan bunyi konsonan bagi kedua-dua bahasa dan dapatan kajian bukan sahaja akan memberikan pengetahuan mengenai ciri-ciri fonologi bagi kedua-dua bahasa malah akan memudahkan proses pembelajaran bahasa secara vis versa.


FONOLOGI PERANCIS MELAYU

Penulis memberikan diskripsi fonologi konsonan bagi kedua-dua bahasa supaya pembaca mudah memahami sistem konsonan lengkap di antara Perancis-Melayu. Melalui penyenaian fonem konsonan dalam jadual, pembaca boleh melihat dengan jelas fonem yang wujud dalam kedua-dua sistem konsonan dan perbezaannya. Bahasa Perancis bahasa Melayu mempunyai 20 konsonan dalam huruf tulisan iaitu huruf *b,c,d,f,g,h,j,k,l,m,n,p,q,r,s,t,v,w,x,z* manakala bahasa Perancis memiliki 18 konsonan fonetik dan 3 separuh konsonan fonetik. Bahasa Melayu pula mengandungi 16 konsonan fonetik asli Melayu iaitu *b,c,d,f,g,h,j,k,l,m,n,p,q,r,s,t* dan 2 semi konsonan *w* dan *y*.

KONSONAN

Morfem mengandungi berapa unit huruf. Huruf-huruf tersebut dibunyikan dengan suara. Bunyi suara huruf itu akan mewakili sama ada bunyi vokal atau bunyi konsonan. Konsonan menghasilkan bunyi geseran atau letupan yang dihasilkan oleh nafas yang membawa atau tidak getaran pita suara. Udara yang keluar dari paru-paru melalui pita suara, rongga tekak, rongga mulut dan hidung untuk sebutan pelbagai unit huruf yang dipilih untuk disebut akan melalui pelbagai halangan akibat penutupan dan pembukaan organ alat bunyi dalam menghasilkan bunyi konsonan.

Rajah 1: Keratan faring bagi menunjukkan alat ruang sebutan fonem bahasa dikalangan homosapien.



(<https://bobo.grid.id/read/082875701/penjelasan-bagian-bagian-tenggorokan-faring-hingga-bronkus?page=all>)

PERBANDINGAN KONSONON BAHASA PERANCIS DAN BAHASA MELAYU

Penulis menyenaraikan konsonan bahasa Perancis dan bahasa Melayu untuk memperlihatkan persamaan dan perbezaan fonem konsonan di antara kedua-dua bahasa tersebut. Terdapat bunyi gandingan dua huruf dalam morfem untuk kedua-dua bahasa, menghasilkan unit bunyi tunggal. Contoh dua huruf menghasilkan satu unit bunyi; gn dan ny menghasilkan bunyi [ɲ] dalam morfem *agneau* [Perancis] dan *nyanyi* [Melayu]. Bunyi dua unit huruf dalam mewujudkan satu bunyi tunggal boleh dinamakan gelunsuran bunyi konsonan. Penyelidik tidak menyentuh gabungan konsonan yang bukan merupakan gelunsuran bunyi dalam satu unit bunyi seperti morfem *strawberi*. Morfem *strawberi* merupakan morfem tunggal akan tetapi unit bunyi konsonan **w** dalam rangkap *straw* dan bunyi **b** dalam suku kata *beri* (*straw* + *beri*) dibunyikan secara berasingan atau tidak dibunyikan secara turutan seperti bunyi *ng* (*burung*) atau *ny* (*nyanyi*).

Jadual 1 di bawah disenaraikan beberapa contoh unit bunyi fonem dan perbandingan morfem Perancis-Melayu.

Jadual 1: Konsonan Perancis dan Konsonan Melayu


| | | | |
|----------|-------------------|----------|---------------|
| Konsonan | Separuh | Separuh | Konsonan |
| Perancis | konsonan Perancis | Konsonan | Bahasa Melayu |
| | | n | |
| | | Melayu | |

| | | | |
|-------------|----------|--------|--------------------|
| [b] bon | [j] yeux | [w] | [p] padi |
| [d] déjà | [w] oui | waktu | [b] bisu |
| [f] fier | [ɥ] cuir | [j] ya | [t] tari |
| [g] gare | | | [d] dada |
| [k] car | | | [m] mata |
| [l] loup | | | [n] nama |
| [m] main | | | [k] kuda |
| [n] non | | | [g] gajah |
| [p] par | | | [ɲ] nyanyi |
| [R] rose | | | [ŋ] burung |
| [s] sol | | | [f] formel |
| [t] tas | | | [s] saya |
| [v] ver | | | [ʃ] syarat |
| [z] zéro | | | [tʃ] cacing |
| [ʃ] chat | | | [χ]khamis |
| [ʒ] jardin | | | [ɣ]ghaib |
| [ɲ] agneau | | | [h] hutan |
| [ŋ] smoking | | | [z] zoo |
| | | | [l] lagi |

| | | | | |
|--|--|--|--|-----------|
| | | | | [r] ramai |
| | | | | [v] veto |
| | | | | [ʔ] tidak |

Sumber : Adaptasi daripada *Alphabet phonétique international* (Mohd Nor Azan Abdullah, 2013)

Rajah 2 di bawah merujuk ruang artikulasi bunyi konsonan Perancis dan Melayu



Palais dur merupakan langit keras manakala *velum* merujuk langit lembut. *Dorsum* merujuk bahagian belakang lidah sesudah daun lidah. *Dorso palatovelaires* merujuk belakang langit lembut. Oleh yang demikian untuk bahasa Perancis dan bahasa Melayu bunyi p.b terhasil bilamana dua bibir iaitu bibir atas dan bibir bawah dirapatkan dan dilepaskan. Bunyi t dan d terhasil apabila hujung lidah bertemu dengan gusi gigi atas bahagian dalam mulut. k dan g ruang artikulasinya di langit lembut bilamana belakang lidah menyentuh langit lembut. n berfungsi apabila dua bibir dirapatkan manakala n terhasil dengan hujung lidah bertemu di gusi atas dalaman gigi serta dada hadapan lidah bertemu diruang langit hadapan mulut. Bunyi s dan z meletakkan posisi lidah berartikulasi di bahagian hadapan langit lembut mulut manakala bunyi f dan v terhasil bilamana katupan dan bukaan bibir bawah dengan gusi luar gigi bersamaan dengan sedikit keterbukaan bibir atas bagi membolehkan angin nafas keluar dari mulut. Untuk bahasa Melayu, bunyi r berlaku di awal hujung lidah bertemu langit hadapan dengan penyentuhan lidah dibelakang gusi gigi manakala bagi bahasa Perancis bunyi r berlaku dengan belakang lidah ternaik ke langit keras tanpa penyentuhan. Bunyi l berlaku apabila lidah naik bertemu langit lembut dengan angin nafas keluar di kedua-dua sisian mulut kiri dan kanan. Bunyi m terhasil apabila bibir bawah dan bibir atas tertutup dengan angin dikeluarkan pada awalnya di luar kedua bibir dan diikuti pengeluaran angin nafas melalui

rongga hidung. Untuk fonem separuh konsonan seperti w terhasil apabila awal hujung lidah bertemu hujung dalam gusi gigi dengan lidah naik di dibahagian tengah serta belakang langit lembut. Bunyi y berlaku di bahagian tengah di antara belakang sesudah daun lidah dengan rongga mulut langit lembut. Fonem c melibatkan hadapan langit lembut manakala j melibatkan langit lembut dan keras iaitu daun lidah naik ke langit tengah.

Oklusif melibatkan penyumbatan lengkap aliran udara di mulut, faring atau glottis serta pelepasan secara tiba-tiba penyumbatan aliran udara tersebut. Faring penting untuk produksi suara. Faring dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu faring nasal yang berhubung dengan rongga hidung, faring oral yang berhubung dengan paru-paru dan faring laryngeal yang berhubung dengan epiglottis dari laring serta menuju ke esofagus atau kerongkong.

Jadual 2: Perbandingan Fonem Konsonan Perancis dan Melayu

| Occlusives | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 | 6 | 7 | 8 | 9 | 10 |
|------------------------------------|--------------------------------|---|---------------------------------|---|---|----------------------------------|---|---------------------------------------|---|------------------|
| Oklusif | | | | | | | | | | |
| <i>Sourdes</i> (tidak bersuara) | p (père) p (padi) | | t (terre) t (tari) | | | | | k ¹ (képi) k (kari) | | ? /tola?/ |
| <i>Sonores</i> (bersuara) | b (bon) b (bisu) | | d (dans) d (dada) | | | | | g (gare) g (gari) | | |
| (Nazal) <i>Sengau</i> | m (mot) m (makan) | | n (nous) n (nanti) | | | ɲ (vigne) ɲ (nyala) | | ŋ (camping) ŋ (burung) | | |

¹ Le petit Robert, 2012, Normandie Roto Impression, p 1409.

| Fricatives (Geseran) | | | | | | | | | | |
|---------------------------------------|--|--------------------------------|--|--------------------------------|---|--|--|---------------------------------------|--|---|
| <i>Sourdes</i> (tidak bersuara) | | f (feu) f(formal) | | s (sol) s (sayap) | ʃ (chat) ʃ (syarat) tʃ (cacitang) tʃ (tchau) | | | χ ² (khamisin) [xamsin] | | h ³ (hop!) h (hutan) |
| <i>Sonores</i> (bersuara) | | v (vous) v (veto) | | z (zéro) z (zoo) | ʒ (je) ʒ (jari) | | | ɣ(Ghaib) | | |
| Latérale | | | | l (lent) | | | | | | |
| | | | | l (lagi) | | | | | | |

² Ibid, p 1410.

³ Ibid, p 1242.

| | | | | | | | | | | |
|-------------------------------|------------------------------------|--|--|-----------------|--|-------------------------------|----------------|--|------------|--|
| Vibrante (getaran) | | | | r (ray u) | | | | | R(rue) | |
| Separuh Konsonan | w (oui) w (wakt u) | | | | | j (fille) j(ja - ya) | ɥ (lui) | | | |

Sumber: Adaptasi *Consonatiques du français et du malais* (Mohd Nor Azan Abdullah, 2013)

DAPATAN KAJIAN

Berdasarkan jadual di atas bahasa Perancis dan bahasa Melayu secara umumnya mempunyai fonem konsonan yang sama. Namun terdapat juga fonem yang hanya wujud dalam bahasa Perancis dan yang hanya wujud dalam bahasa Melayu seperti yang terdapat dalam jadual 2 di atas.

Fonem konsonan identik adalah *p, b, t, d, k, g, l, m, n, s, f, w, j, c* yang ditarifkan sebagai konsonan asli Melayu. Bukan fonem konsonan asli Melayu adalah *v, z, [ʎ/ [gh] ghaib], [ʃ/ sy [syarat]], [x/ kh [khamis]]*. Bagi bahasa Perancis hanya fonem */x/ kh [khamis]]* merupakan fonem konsonan gelunsur yang membentuk bunyi tunggal merupakan fonem konsonan bukan Latin. Ianya dari fonem bahasa semitik iaitu dipinjam daripada bahasa Arab. Dua huruf *sy, gh*, dibunyikan sebagai satu huruf merupakan leksis pinjaman daripada bahasa asing ke bahasa Melayu dan dibunyikan secara bunyi sebutan orang Melayu. Dalam bahasa Perancis, bunyi tunggal bagi dua huruf *ng, gn* merupakan sebutan asli bahasa Perancis seperti di dalam jadual 2. Namun terdapat leksis asing terutama daripada rumpun bahasa semitik iaitu konsonan *kh* dalam leksis *khamis* yang dipinjam oleh bahasa Perancis. Bahasa Perancis dan bahasa Melayu memiliki dua fonem separuh konsonan iaitu *w [oui /wi/ dan /j/ [fille /fij/]* dalam bahasa Perancis manakala bunyi *w [waktu]* dan *ya /ja/* adalah bunyi sebutan bahasa Melayu yang identik dengan bahasa Perancis.

Dalam bahasa Perancis tidak terdapat bunyi glotis */ʔ/* dimana bunyi yang dihasilkan oleh anak tekak dengan udara yang tidak dapat keluar daripada rongga hidung. Contoh leksis ialah tidak */tidaʔ/* manakala dalam bahasa Melayu tidak memiliki fonem */y/ lui /lyi/ [dia]*

KESIMPULAN

Semua bahasa memiliki sistem gramatikal dan linguistik bahasa tersendiri tanpa mengabaikan sistem kata kerja sebagai nukleus utama dalam pembinaan struktur ayat disamping nukleus tersebut diapit oleh subjek dan predikat. Dalam pembinaan ayat, menghormati struktur binaan elemen linguistik ayat seperti sistem fonologi dan fonem tidak boleh diabaikan. Fonologi yang berkait rapat dengan bunyi yang dihasilkan memerlukan bunyi yang tidak mengelirukan atau yang boleh membawa kepada pemahaman maksud lain kepada pendengar atau interlocutor perlu dihindari. Ini kerana setiap bunyi mewakili lambang dan maksud tertentu yang juga boleh membawa perbezaan maksud dari satu bahasa ke satu bahasa yang lain. Oleh itu analisis penulis mengenai persamaan dan perbezaan konsonan bagi dua bahasa yang berbeza rumpun menunjukkan wujud persamaan bunyi konsonan akan tetapi terdapat juga beberapa bunyi yang terkecuali yang hanya ada dalam sesuatu bahasa sahaja seperti yang dinyatakan dalam dapatan kajian. Ini merupakan satu pengecualian dan pengecualian tersebut merupakan satu keunikan serta sebagai satu peraturan tatabahasa. Seperkara lagi, limitasi kajian yang hanya menyentuh kajian konsonan sahaja boleh diperluaskan lagi melalui penelitian sistem diftong di antara kedua-dua bahasa tersebut dimasa akan datang. Adalah lebih menarik lagi, untuk masa akan datang kajian ini diperluaskan dengan melihat elemen linguistik dalam pembentukan vokal dan diftong bagi kedua-dua bahasa tersebut.

RUJUKAN

- Abdullah Hassan. (2007). *Linguistik Am*. PTS Professional. Kuala Lumpur.
- Dictionnaire Français-Malais. (2001). Dewan Bahasa dan Pustaka. Kuala Lumpur.
- Emilio Bonvibi, Joëlle Busuttil et Alain Peyraube. (2011). *Dictionnaire des langues*. Puf. Paris. France.
- Hasan Alwi. (2013). *Perbandingan Antara Tatabahasa Dewan Dengan Tatabahasa Baku Bahasa Indonesia*. Dewan Bahasa dan Pustaka. Kuala Lumpur.
- Mohd Nor Azan bin Abdullah (2013). *Étude Comparative Des Structures Et Des Systemes Verbaux Du Français Et Du Malais*. La Thèse. Université de France Comté. France.
- Nik Safiah Karim, Farid M.Onn, Hashim Haji Musa, Abdul Hamid Mahmood. (2009). *Tatabahasa Dewan Edisi Ketiga*. Dewan Bahasa dan Pustaka. Kuala Lumpur.

Pierre Et Monique Léon (1977). *Introduction à la Phonétique Corrective* – Deuxième Édition.

Librairies Hachette Et Larousse. France.

Pierre R. Léon (1976). *Prononciation Di Français Standard*. Didier. France.

Phonétique Française – FLE. Université De León.

<http://flenet.unileon.es/phon/phoncours.html>. Diakses Pada: 27.08.2021. 2.00pm.